

01 JUN 1997

Najib-Rasuah

RASUAH TIDAK AKAN JADI BUDAYA HIDUP DALAM UMNO, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Umno, sebagai tunggak parti yang memerintah, akan berusaha memastikan rasuah tidak menular sehingga menjadi satu budaya hidup masyarakat, lebih-lebih lagi dalam Umno, kata Naib Presidennya Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

"Umno tidak mengasaskan rasuah sebagai cara memilih pemimpin, cara menentukan sesuatu keputusan atau sebagai pra-syarat melakukan sesuatu," katanya ketika diminta mengulas penahanan seorang bekas anggota Exco kerajaan negeri Melaka oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) semalam atas dakwaan terbabit menerima rasuah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengambil bahagian dalam rancangan "Cermin Diri" yang disiarkan secara langsung oleh TV3 di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini hari ini.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan, berkata perkara yang diutamakan ialah pemimpin yang baik, bersih dan pemimpin yang sanggup berkhidmat kepada rakyat.

"Dalam kes ini, kita tidak tahu lagi kerana ia setakat tuduhan. Jadi biarlah proses undang-undang berjalan dan kita tidak boleh membuat sebarang kesimpulan. Lagipun kita tidak boleh katakan seseorang itu bersalah melainkan dia telah dihukum," katanya.

Pengarah Bahagian Siasatan Ibu Pejabat BPR, Nordin Ismail berkata di Melaka semalam bahawa bekas anggota Exco itu akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sana esok.

Najib berkata amalan rasuah bukanlah satu perkara yang mudah hendak dihapuskan tetapi boleh dikurangkan kepada tahap minimum supaya ia tidak menjadi budaya hidup masyarakat negara ini.

Katanya, rasuah, yang sememangnya tidak boleh dihapuskan sama sekali, berlaku di mana-mana walaupun di negara maju seperti Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Sehubungan itu, katanya, kurikulum yang akan digubal bagi Pusat Latihan Umno yang dicadangkan akan memberi penekanan kepada soal nilai dalam perjuangan.

"Sudah pasti kita akan mengutamakan nilai amanah dan kejujuran, dan maksud pemimpin yang bersih dan beramanah," katanya.

Kurikulum sebenar masih dalam proses penggubalan tetapi asasnya sudah ada seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Nilai-nilai yang dibentangkan dalam ucapan Dr Mahathir akan dijadikan asas dalam menentukan kurikulum pusat itu, katanya. -- BERNAMA

ZAB AKD